

IKLAN JAWATAN PENGURUS RUMAH PELAJAR MALAYSIA BAGI TAHUN 2015

Pengenalan

Rumah Pelajar Malaysia (RPM) yang terletak di Nishikoyama, Tokyo diwujudkan untuk memberi kemudahan penggunaan kepada persatuan-persatuan pelajar Malaysia dan penginapan sementara bagi pelajar Malaysia di Jepun. Pentadbiran harian rumah ini diletakkan di bawah tanggungjawab Pengurus Rumah yang dipilih dan dilantik oleh Pejabat Penasihat Pendidikan dan Latihan (PPL), Kedutaan Besar Malaysia.

Pengurus Rumah sesi 2014 akan tamat perkhidmatan pada Mac 2015. Sehubungan itu, Pejabat PPL sedang mencari pelajar Malaysia di Jepun yang berminat untuk memohon jawatan sebagai Pengurus Rumah.

Tugas dan tanggungjawab Pengurus Rumah ialah:

1. Menguruskan tempahan penggunaan/penginapan;
2. Menjaga serta memastikan RPM berada di dalam keadaan bersih dan selamat. Sebarang kerosakan perlu dilapor kepada Pejabat PPL dalam tempoh tiga hari kerosakan diketahui;
3. Menyediakan Laporan Bulanan yang mengandungi laporan kewangan, penggunaan dan inventori. Laporan Bulanan perlu dikemuka kepada Pejabat PPL tidak lewat daripada 10 haribulan pada setiap bulan;

Tempoh perkhidmatan Pengurus Rumah ialah selama satu tahun dan perlu menetap sepenuh masa di RPM sepanjang tempoh perkhidmatan tanpa bayaran sewa rumah. Pengurus Rumah adalah terikat dengan terma-terma kontrak lantikan tertentu sebagai Pengurus RPM.

Syarat-Syarat Permohonan

1. Warganegara Malaysia;
2. Bujang;
3. Sedang menuntut di institusi pengajian tinggi di Jepun;
4. Mempunyai rekod akademik yang baik; dan
5. Bebas daripada masalah disiplin.

Kaedah Dan Tarikh Tutup Permohonan

Pelajar yang berminat perlu menghantar permohonan yang mengandungi dokumen berikut:

1. Surat permohonan;
2. Resume;
3. Keputusan peperiksaan terkini; dan
4. Jadual pengajian bagi sesi 2015/2016.

Permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada En. Hazwan Nizam bin Fadil (nizam@hrdtokyo.jp) selewat-lewatnya pada **31 Januari 2015**.

Pelajar-pelajar yang disenarai pendek akan dipanggil ke satu sesi temuduga yang akan diadakan dalam bulan Februari bertempat di Kedutaan Besar Malaysia. Pejabat PPL akan membuat jemputan temuduga melalui emel peribadi saudara/i. Pastikan emel dan no. telefon yang diberikan tepat bagi memudahkan perhubungan.

Selamat Mencuba!